

05/08/1997

Perkampungan tani guna teknik moden

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan membangunkan sebuah kawasan seluas 4,000 hektar di Kedah sebagai perkampungan pertanian moden yang bakal menjadi projek contoh dalam bidang teknologi pertanian di Malaysia.

Idea untuk membuka perkampungan pertanian moden itu dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berminat mencontohi usaha petani negara maju membangunkan kawasan pertanian dengan menggunakan teknologi moden tanpa tenaga manusia yang ramai.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata konsep pertanian pelbagai akan dilaksanakan di perkampungan itu yang akan dikendalikan sepenuhnya melalui pendekatan atau teknik moden.

"Saya akan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir pada 13 Ogos ini bagi membincangkan dengan lebih lanjut cadangan itu serta mendapatkan gambaran idea yang dicetuskan beliau.

"Saya juga sudah berbincang dengan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid mengenainya dan diberitahu bahawa sebidang tanah seluas 4,000 hektar sudah dikenal pasti untuk projek itu," katanya selepas merasmikan Seminar Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Dalam Pengajian Pantai bertemakan 'Tumpuan Terhadap Aplikasi', di sini hari ini.

Seminar dua hari itu anjuran Institut Kejuruteraan Pantai dan Luar Pantai (COEI) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (Nahrim).

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik) UTM, Prof Dr Parid Wardi dan Ketua Pengarah Nahrim, Prof Dr Abdul Aziz Ibrahim.

Dr Sulaiman berkata, konsep pertanian moden perlu dilaksanakan di Malaysia supaya ia dapat mengubah sikap petani tempatan menjadi lebih komersil serta meningkatkan pengeluaran.

"Idea itu amat baik. Malah, ketika saya melawat Jepun baru-baru ini, saya dapati petani di sana sudah maju dan menggunakan pendekatan moden untuk bertani," katanya.

Sementara itu, beliau berkata draf pindaan Dasar Pertanian Negara 1992-2010 sedang diperkemas dan dijangka dapat dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (NDPC), akhir bulan ini.

"Selepas mendapat pertimbangan NDPC, draf itu kemudian akan dibentangkan di Kabinet untuk diluluskan," katanya.

Beliau berkata, pindaan akta itu antara lain menekankan aspek pertanian komersil seiring dengan perubahan dunia pertanian dan tuntutan masa kini.

Sementara itu, Dr Sulaiman berkata kelemahan gerakan penguatkuasaan menjadi punca kepada peningkatan masalah hakisan pantai di negara ini, terutama di kawasan pantai timur.

"Gerakan penguatkuasaan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berkuasa tempatan perlu dilakukan bagi mengatasi masalah itu.

"Selain itu, kempen pendidikan di sekolah juga perlu dilakukan bagi meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan pantai," katanya.

(END)